



**PERTUBUHAN  
KHAIRAT  
KEMATIAN  
ALAM DAMAI**

# **RISALAH UNDANG-UNDANG**

## KANDUNGAN

1. NAMA .....	3
2. ALAMAT TEMPAT URUSAN.....	3
3. MATLAMAT .....	3
4. KEAHLIAN.....	3
5. SUMBER KEWANGAN / YURAN.....	4
6. WANG TABUNGAN.....	4
7. BANTUAN KEWANGAN.....	5
8. SYARAT BANTUAN.....	5
9. JAWATANKUASA.....	5
10. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI .....	7
11. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN.....	8
12. MESYUARAT AGUNG KHAS.....	8
13. PEMERIKSA KIRA-KIRA.....	9
14. PERKARA AM.....	9
15. PEMEGANG AMANAH.....	9
16. TAFSIRAN.....	10
17. PINDAAN UNDANG-UNDANG.....	10
18. PEMBUBARAN .....	10

RISALAH UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN ALAM DAMAI	PINDAAN RISALAH UNDANG-UNDANG
(PPM-003-14-110762007)	Pertama pada 2.9.2009 Ke-2 pada 6.9.2011 Ke-3 pada 31.12.2012 Ke-4 pada 20.10.2016 Ke-5 pada Januari 2018 Ke-6 pada Januari 2019 Ke-7 pada Januari 2020 Ke-8 pada Februari 2025

## 1. NAMA

- a. Nama Pertubuhan ini ialah **PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN ALAM DAMAI**, selepas ini disebut sebagai “**Pertubuhan**”.

## 2. ALAMAT TEMPAT URUSAN

- a. Alamat berdaftar dan tempat urusan Pertubuhan ini adalah di **Tingkat 1, Masjid Al-Mukhlisin, Jalan Damai Bakti 7, Alam Damai, Cheras, 56000 Kuala Lumpur**, atau lain-lain tempat yang akan ditetapkan menurut budi bicara Jawatankuasa Pertubuhan yang dilantik.
- b. Alamat dan tempat urusan Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

## 3. MATLAMAT

- a. Tujuan Pertubuhan ini ialah untuk **Memberi Bantuan Wang Kepada Waris Si Mati** jika berlaku kematian Ahli dan/atau diberi kepada Ahli sekiranya tanggungannya mati.

## 4. KEAHLIAN

- a. Keahlian Pertubuhan ini terbuka kepada Penduduk Islam **Kariah Alam Damai** yang berumur 18 tahun ke atas semasa permohonan.
- b. Kariah Alam Damai bererti seseorang yang secara tetap atau pada lazimnya tinggal dalam kawasan sekitar Alam Damai.
- c. Tiada had umur yang ditetapkan untuk menjadi Ahli Pertubuhan.
- d. Keahlian didaftarkan dengan permohonan dibuat oleh Ahli bagi pihak beliau sendiri dan tanggungannya dengan borang permohonan lengkap (seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan) diserahkan kepada Setiausaha Pertubuhan yang dilantik oleh Pertubuhan.
- e. Tanggungannya Ahli bererti isteri / isteri-isteri, suami, anak / anak-anak yang belum berkahwin (tiada had umur dikenakan), ibu / bapa / mentua yang didaftar secara sah, tinggal bersama dan ditanggung sepenuhnya oleh Ahli.
- f. Anak-anak yang telah berumah tangga, yang tinggal bersama tidak menjadi tanggungannya Ahli. Mereka boleh dipertimbangkan menjadi Ahli melalui permohonan yang berasingan.
- g. Permohonan keahlian hendaklah disertai dengan bayaran-bayaran yang telah ditetapkan. Mesyuarat Jawatankuasa berkuasa dan mempunyai budi bicara untuk melulus atau menolak permohonan keahlian. Seseorang itu mula menjadi Ahli daripada tarikh permohonannya diluluskan.

- h. Keahlian akan terhenti atas sebab-sebab kematian, menarik diri, dilucutkan keahliannya dan/atau menurut budi bicara Pertubuhan.
- i. Apabila seseorang Ahli itu mati, isteri atau suami boleh menyambung keahlian dengan memaklumkan secara rasmi kepada Setiausaha. Ia adalah percuma dan semua hak dan tanggungjawab Ahli terdahulu akan berpindah kepada Ahli baru dengan serta merta.
- j. Ahli Bersekutu – ialah pasangan suami atau isteri Ahli yang berdaftar. Kelayakan Ahli bersekutu:-
  - i. Hanya salah seorang daripada pasangan Ahli (suami atau isteri) yang layak mengundi semasa Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Khas; dan
  - ii. Hanya salah seorang daripada pasangan Ahli (suami atau isteri) yang layak dipilih menjadi Ahli-Ahli Jawatankuasa Pertubuhan.

## 5. SUMBER KEWANGAN / YURAN

- a. Setiap Ahli dikehendaki membayar Yuran Kemasukan Ahli sebanyak RM50.00 (RINGGIT MALAYSIA LIMA PULUH SAHAJA) dan Yuran Tahunan sebanyak RM60.00 (RINGGIT MALAYSIA ENAM PULUH SAHAJA) iaitu RM5.00 sebulan untuk 12 bulan, seorang.
- b. Ahli-Ahli yang membiarkan yuran tahunannya tertunggak melebihi tempoh tiga (3) tahun, keahliannya akan terbatal dengan sendirinya tanpa sebarang notis daripada Pertubuhan.
- c. Ahli-Ahli yang terlucut keahlian kerana membiarkan yuran tahunannya tertunggak melebihi tempoh di atas, dibolehkan untuk memohon semula untuk menjadi Ahli dengan syarat ia hendaklah membayar Yuran Kemasukan Semula Ahli bersamaan RM50.00 (RINGGIT MALAYSIA LIMA PULUH SAHAJA) serta menjelaskan segala yuran tahunannya yang tertunggak.
- d. Dengan persetujuan, sekiranya Ahli berhenti atau diberhentikan daripada menjadi Ahli Pertubuhan ini, **maka segala bayaran atau sumbangannya kepada Pertubuhan akan dikategorikan dibawah Dana Waqaf.**

## 6. WANG TABUNGAN

- a. Segala Wang Pertubuhan dan lain-lain sumber pendapatan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama Pertubuhan.
- b. Sesuatu perbelanjaan bolehlah dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha dan telah terdahulunya disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

- c. Untuk **Perbelanjaan Pentadbiran**, tidak lebih daripada Dua puluh peratus (20%) dari yuran tahunan yang terkumpul boleh digunakan setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa dan penyata terperinci diselenggarakan oleh Bendahari.
- d. Enam puluh peratus (60%) daripada yuran tahunan yang terkumpul mesti di peruntukkan untuk tujuan pembayaran **Wang Bantuan**.
- e. Dua puluh peratus (20%) daripada yuran tahunan yang terkumpul akan dikategorikan sebagai **Dana Infaq/Waqaf**, yang boleh digunakan untuk program atau projek Infaq/Waqaf yang akan memberi manfaat kepada Ahli-Ahli. Kelulusan penggunaan adalah melalui *Poll* di *WhatsApp Group* Pertubuhan atau Mesyuarat Agung Tahunan dengan majoriti mudah Ahli-Ahli.
- f. Peruntukan Wang Tabungan untuk ketiga-tiga dana di atas, perlu di selaraskan oleh Bendahari mengikut peratusannya pada setiap 31hb Disember.

## 7. BANTUAN KEWANGAN

- a. Wang Bantuan sebanyak **RM2,000.00** (RINGGIT MALAYSIA DUA RIBU SAHAJA) untuk **Ahli** dan wang bantuan sebanyak **RM1,300.00** (RINGGIT MALAYSIA SATU RIBU TIGA RATUS SAHAJA) untuk **Tanggungannya Ahli**, akan dikeluarkan bila-bila masa sekiranya berlaku kematian Ahli atau tanggungannya Ahli.
- b. Kematian anak kecil yang belum dewasa atau bayi – jumlah bantuan adalah berdasarkan perbelanjaan pengebumian sebenar dan tidak melebihi RM1,300.00.
- c. Dalam keadaan tertentu apabila berlaku kematian, jika Wang Tabungan tidak mencukupi, setiap ahli dikehendaki menyumbang pada kadar yang munasabah yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pertubuhan tetapi tidak melebihi RM5.00.

## 8. SYARAT BANTUAN

- a. Wang Bantuan akan dibayar cuma atas kematian Ahli dan tanggungannya Ahli yang namanya ada di dalam daftar yang disimpan oleh Setiausaha dan dengan syarat ada bukti kematian atau surat mati yang sah. Atas kematian tanggungannya, bantuan akan dibayar kepada Ahli dan atas kematian Ahli sendiri bantuan akan dibayar kepada warisnya.
- b. Jawatankuasa akan melantik individu (daripada Jawatankuasa) untuk tujuan penyerahan Wang Bantuan kepada ahli dan/atau waris yang sah.

## 9. JAWATANKUASA

- a. Mesyuarat Agung Tahunan Ahli-Ahli hendaklah memilih dan melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa untuk mentadbirkan perjalanan dan / atau pentadbiran Pertubuhan selama dua (2) tahun iaitu bersamaan satu (1) penggal.
- b. Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada :-

- i. Seorang Pengerusi Tetap;
  - ii. Seorang Pengerusi;
  - iii. Seorang Timbalan Pengerusi;
  - iv. Seorang Naib Pengerusi;
  - v. Seorang Setiausaha (dilantik oleh Pengerusi);
  - vi. Seorang Penolong Setiausaha (dilantik oleh Pengerusi);
  - vii. Seorang Bendahari (dilantik oleh Pengerusi);
  - viii. Seorang Penolong Bendahari (dilantik oleh Pengerusi); dan
  - ix. Lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa.
- c. Semua Ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran di dalam Pertubuhan ini hendaklah warganegara Malaysia.
- d. Calon-calon untuk jawatan di atas (kecuali Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan Penolong Bendahari) hendaklah di cadang dan di sokong secara undian di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Pemilihan jawatan-jawatan ini boleh juga dijalankan secara undian kertasundi yang dijalankan oleh satu (1) Jawatankuasa Khas Pemilihan yang dibentuk melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa di mana:-
- i. Kertas-kertas pencalonan hendaklah diedarkan kepada Ahli-Ahli tidak kurang tiga puluh (30) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan yang ada pemilihan Jawatankuasa;
  - ii. Jawatankuasa Khas Pemilihan diberi kuasa untuk memutuskan calon-calon yang layak berdasarkan faktor-faktor seperti kelayakan menjadi calon di bawah perenggan 9(f), jumlah pencalonan tertinggi, perwakilan fasa perumahan tertentu dan latar belakang calon tidak kurang tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan yang ada pemilihan jawatankuasa tersebut diadakan; dan
  - iii. Jawatan Khas Pemilihan ini tidak boleh dianggotai oleh mana-mana pemegang jawatan utama.
- e. Jawatan Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan Penolong Bendahari hendaklah dilantik oleh Pengerusi.
- f. Jawatan-jawatan utama yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari tidak boleh dipegang lebih dari dua (2) penggal pemilihan berturut-turut. Pemilihan dan pelantikan semula hanya boleh dilakukan selepas selang satu (1) penggal. Semua pegawai untuk jawatan-jawatan selain di atas boleh dipilih semula setiap dua (2) tahun pemilihan yang bersamaan satu (1) penggal.

- g. Pengerusi diberi kuasa sama ada untuk melantik atau tidak Ahli Jawatankuasa yang baharu untuk memangku jawatan yang kosong atas sebab kematian atau pun pemberhentian.

## 10. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- a. Pengerusi Tetap hendaklah mempengerusikan segala Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Khas.
- b. Pengerusi hendaklah mempengerusi segala Mesyuarat Jawatankuasa;
- c. Timbalan Pengerusi akan membantu Pengerusi menguruskan perjalanan pentadbiran Pertubuhan. Sewaktu ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi akan mempengerusikan segala Mesyuarat Jawatankuasa dan juga menjalankan tugas-tugas Pengerusi. Naib Pengerusi pula akan membantu Pengerusi dan Timbalan Pengerusi menguruskan perjalanan pentadbiran Pertubuhan.
- d. Setiausaha akan menguruskan segala surat menyurat bagi pihak Pertubuhan, menyimpan segala peringatan Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung, menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan Pertubuhan, mengadakan Daftar secara fizikal atau media elektronik atau kedua-duanya bagi Ahli-Ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha. Daftar Ahli-Ahli hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut tetapi tidaklah terhad kepada:-

No Ahli	Nama Ahli	No. MyKad	No. Telefon	Emel	Alamat	Nama & MyKad Tanggungan
---------	-----------	-----------	-------------	------	--------	-------------------------

- e. Penolong Setiausaha akan membantu Setiausaha dalam menjalankan kerja-kerjanya.
- f. Bendahari akan menerima dan menyimpan segala yuran Pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut :-
- i. Penyata Kira-Kira Bulanan; dan
  - ii. Penyata Kira-Kira Tahunan berakhir pada setiap 31 Disember setiap tahun. Penyata hendaklah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan diisytiharkan kepada Ahli-Ahli Pertubuhan.
- g. Bendahari bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa mengendalikan kemudahan Perbankan Internet bagi pihak Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
- h. Penolong Bendahari akan membantu Bendahari dalam menjalankan kerja-kerjanya.

- i. Ahli-Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah hadir di dalam mesyuarat yang diadakan dan membantu Jawatankuasa yang di atas menjalankan tugas-tugas mereka.

## 11. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- a. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin selepas akhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada bulan Jun tiap-tiap tahun.
- b. Notis mesyuarat termasuk salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua Ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum diadakan mesyuarat.
- c. Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ialah:-
  - i. Mengesahkan minit-minit mesyuarat yang lalu;
  - ii. Menerima Laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Pertubuhan di dalam tahun yang lalu;
  - iii. Menerima Penyata Kira-kira Bagi Tahun yang lalu;
  - iv. Melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa dan 2 orang Pemeriksa Kira-kira untuk setiap dua (2) tahun; dan
  - v. Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
- d. Mesyuarat Agung Tahunan hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh Ahli-Ahli yang berjumlah tidak kurang dari **tiga kali ganda** jumlah Ahli-Ahli Jawatankuasa.

## 12. MESYUARAT AGUNG KHAS

- a. Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan pada bila-bila masa apabila difikirkan mustahak oleh Mesyuarat Jawatankuasa dan mestilah diadakan oleh Setiausaha dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah menerima permintaan bertulis yang ditandatangani beramai-ramai oleh tidak kurang daripada dua puluh (20) orang Ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat itu.
- b. Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua Ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan mesyuarat.
- c. Mesyuarat Agung Khas hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh Ahli-Ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali ganda jumlah Ahli-Ahli Jawatankuasa.

### 13. PEMERIKSA KIRA-KIRA

- a. Dua orang yang bukan Ahli-Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik di dalam setiap dua (2) tahun Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan ini bagi tiap-tiap tahun dan membuat laporan untuk Mesyuarat Agung Tahunan.
- b. Mereka boleh juga memeriksa kira-kira Pertubuhan ini pada bila-bila masa juga difikirkan perlu oleh Pengerusi. Kira-kira Pertubuhan ini boleh juga diminta oleh dua pertiga (2/3) Ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas untuk diaudit oleh Juruaudit Bertauliah.

### 14. PERKARA AM

- a. Tiap-tiap Ahli hendaklah diberi dengan percuma satu (1) salinan undang-undang Pertubuhan ini apabila diterima menjadi Ahli.
- b. Buku-buku berkenaan Pertubuhan ini dan daftar Ahli-Ahli boleh diperiksa oleh mana-mana Ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang Pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha lima (5) hari terlebih dahulu.
- c. Ahli-Ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai Pertubuhan atau Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilan di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad.
- d. Ahli yang sengaja melanggar undang-undang Pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada Pertubuhan ini boleh dipecat dari menjadi Ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat Ahli itu mestilah diberi surat tunjuk sebab tentang sebab-sebab dia hendak dipecat dan diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan yang ada dengan bertulis atau dengan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas kerananya. Jika dua pertiga (2/3) Ahli-Ahli jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi menyokong pemecatan maka Ahli itu dipecat dengan serta-merta.
- e. Ahli-Ahli yang ingin berhenti daripada menjadi Ahli Pertubuhan ini hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang yang tertunggak (jika ada).

### 15. PEMEGANG AMANAH

Tidak Berkenaan

## 16. TAFSIRAN

- a. Di antara jangka masa Mesyuarat-Mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa bolehlah memberi tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga dipinda oleh keputusan Mesyuarat Agung.

## 17. PINDAAN UNDANG-UNDANG

- a. Pindaan kepada Undang-Undang ini boleh dilakukan hanya melalui Mesyuarat Agung dengan persetujuan majoriti Ahli-Ahli yang hadir. Walaupun begitu, pindaan berkaitan pengurangan bantuan yang ditetapkan, ia hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada jumlah Ahli-Ahli Pertubuhan melalui undi sulit.
- b. Segala pindaan undang-undang tidak boleh dikuatkuasakan sebelum terlebih dahulu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Permohonan untuk pindaan-pindaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa dua puluh lapan (28) hari dari tarikh mesyuarat yang memutuskan pindaan itu dibuat.

## 18. PEMBUBARAN

- a. Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada Ahli-Ahli Pertubuhan di dalam Mesyuarat Agung khusus untuk tujuan tersebut.
- b. Apabila keputusan pembubaran telah dibuat, maka segala hutang piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagi kepada Ahli-Ahli Pertubuhan menurut keputusan Mesyuarat Agung pembubaran Pertubuhan ini.
- c. Notis bersabit pembubaran ini hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh empat belas (14) hari.





**PERTUBUHAN  
KHAIRAT  
KEMATIAN  
ALAM DAMAI**